

Buletin



e-ISSN: 2600-8289

Safar 1446H/ Ogos 2024

ACIS



**MALAYSIA
MADANI**
Jiwa Merdeka

eISSN 2600-8289



9 772600 828001

Kepimpinan Mahasiswa Menggilap Jati Diri Belia



Oleh:

Dr Nabilah Huda Zaim

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah



Amierah Syafiqah Muhammad Khuzaini

Pelajar Diploma Pengurusan Halal, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah

Memetik kata-kata tokoh gagasan pemikiran Islam, As-Syahid Imam Hassan al-Banna, terdapat empat rukun pemuda iaitu iman, ikhlas, hammasah dan amal.

Asas kepada iman adalah hati yang bersih, manakala asas kepada ikhlas adalah jiwa yang suci. Asas kepada hammasah adalah perasaan semangat yang membuak-buak dan asas kepada amal adalah azam yang tinggi di dalam jiwa.

Keempat-empat ciri-ciri kepemudaan ini tidak lahir secara semula jadi. Namun, perlu dilentur, dididik dan dilatih dalam melahirkan generasi belia yang mempunyai jati diri yang utuh.

Melihat kepada realiti dan fenomena yang melanda muda-mudi pada hari ini amat membimbangkan. Arus pemodenan dan budaya yang bercanggah dengan Islam dari Barat telah mula menular dan merebak masuk ke dalam jiwa anak muda pasca globalisasi semakin sukar dibendung.

Dengan itu, melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti kepimpinan mahasiswa di universiti secara tidak langsung dapat menghindari golongan belia daripada terjebak dengan perkara yang sia-sia sekaligus dapat menggilap jati diri yang kuat dalam jiwa kepemudaan.

Menjadi pemimpin ternyata bukan tugas yang mudah. Tidak dapat dinafikan, banyak yang perlu dikorbankan dari sudut masa dan tenaga. Namun, latihan menjadi pemimpin sejak dari peringkat awal universiti mampu mengeluarkan mahasiswa dari kerangka berfikir untuk diri sendiri kepada berfikir untuk menyumbang manfaat buat masyarakat dan orang di sekeliling.

Menerusi aktiviti yang dilaksanakan juga dapat mendidik mahasiswa untuk merancang dengan teliti, mengasah kreativiti, memberikan pengalaman yang bernilai di samping meningkatkan kemahiran pengucapan awam, kemahiran berinteraksi dengan baik serta membina jaringan dengan pelbagai pihak. Didikan menerusi latihan kepimpinan ini secara tidak langsung dapat menggilap

Justeru, bersempena Mesyuarat Agung Persatuan Diploma Pengurusan Halal yang diadakan pada 22 Jun 2024 yang lalu, setinggi tahniah dan penghargaan kepada Majlis Tertinggi, Ahli Jawatankuasa dan Sekretariat Persatuan Diploma Pengurusan sesi 2023/2024 atas usaha menjayakan 15 program dan aktiviti yang memberi impak serta penjana kewangan yang mapan sepanjang setahun sesi 2023/2024. Tahniah kerana telah berjaya menggilap bakat kepimpinan dalam diri. Semoga setiap usaha yang memberi manfaat diganjar Allah serta diteruskan inisiatif-inisiatif membina di masa hadapan.

Tidak dilupakan, tahniah dan syabas diucapkan kepada Majlis Tertinggi dan Ahli Jawatankuasa yang baru sahaja dilantik bagi memimpin mahasiswa Diploma Pengurusan Halal bagi sesi 2024/2025. Semoga dengan perlantikan ini, pelbagai lagi aktiviti dapat dilaksanakan dalam menggilap bakat kritis dan kreatif kepimpinan diri di samping membawa halatuju yang baik pada peringkat mahasiswa.

Pemahsyuran Penasihat, Majlis Tertinggi dan Ahli Jawatankuasa Sesi 2024/2025

PENASIHAT

Nurul Safwah binti Mohd Aminuddin Zaki

MAJLIS TERTINGGI

- Presiden: Muhammad Izzulikhwan Bin Idris
- Timbalan Presiden: Nur Damia Nabeeha Binti Ahmad Azrani
- Setiausaha: Nurhaifa Safira Binti Rozaidi
- Timbalan Setiausaha: Nur Alya Zulaikha Binti Kamaruddin
- Bendahari : Arina Batrisyia Binti Mohd Roslan

EXCO MULTIMEDIA

- Ketua : Nur Humairaa Binti Azmi
- Penolong: Farhanis Binti Zainal Abidin
- Penolong: Nur Ain Mohd Zaidi

EXCO DAKWAH

- Ketua: Muhamad Hasbullah Bin Hood
- Penolong: Nur Imanussufyah Binti Mohd Shapian

EXCO EKONOMI

- Ketua: Muhammad Haziq Bulqini Bin Hasrul
- Penolong: Amirah Binti Khairul Anuar

EXCO AKADEMIK

- Ketua: Awatif Umairah Binti Aidil Azlan
- Penolong: Marsya Safia Binti Iskandar Dzulkarnain

EXCO KEBAJIKAN

- Ketua: Widad Fitriah Binti Suhaime
- Penolong: Muhammad Adam Luqman Bin Hizral Ashraq

EXCO KEBUDAYAAN

- Ketua: Muhammad Aiman Haziq Bin Jasmin Haryady
- Penolong: Nor Syafiqah Binti Sabri

EXCO ALUMNI

- Ketua: Azhari Bin Mohammad Rosdi
- Penolong: Nurul Athirah Binti Mohamad Ramle